



Untuk maklumat lanjut, sila layari:

www.nre.gov.my

www.chm.frim.gov.my

www.cbd.int

Atau emel kami:

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)

biodiversity@nre.gov.my



Tema-tema Utama bagi ABS

IN-SITU

- Dijumpai dalam ekosistem dan habitat semulajadi

EX-SITU


- Dijumpai di taman botani, koleksi komersial dan koleksi yang dimiliki oleh universiti

Bukan Komersial

- Taksonomi
- Pemeliharaan

Komersial/ Potensi Komersial

- Bioteknologi
- Hortikultur
- Farmaseutikal



Pemberi Sumber boleh terdiri dari:

- Pihak berkuasa
- Pemilik tanah persendirian
- Masyarakat pribumi dan setempat

- Penyelidik
- Universiti
- Industri

Faedah Kewangan

- Pembayaran royalti
- Pemilikan bersama hak harta intelek

Bukan kewangan

- Penyelidikan dan pembangunan
- Latihan dan pendidikan
- Pemindahan teknologi



Pengenalan kepada

ABS

Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah

(Access to Biological Resources and Benefit Sharing, ABS)

Konvensyen Kepelbagaian Biologi

(Convention on Biological Diversity, CBD)

CBD merupakan perjanjian di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang diterima pakai pada tahun 1992. Ia mengiktiraf sumber biologi sebagai hak mutlak sesebuah negara. Sehingga kini, 193 negara termasuk Malaysia merupakan ahli kepada CBD.

Sumber Biologi

(Biological Resources, BR)

Apa yang dimaksudkan dengan sumber biologi?

Sumber biologi termasuk sumber genetik, organisma, bahagian organisma, populasi dan sebarang komponen biotik bagi sesebuah ekosistem yang mempunyai kegunaan atau berpotensi untuk digunakan serta bernilai bagi manusia termasuk terbitan yang terhasil daripadanya.

Kegunaan sumber biologi

- Tujuan komersial atau tujuan yang berpotensi untuk dikomersialkan
- Tujuan bukan komersial - akses kepada sumber biologi bagi sebarang kajian akademik dan kajian tidak berorientasikan keuntungan.

Sumber Biologi dan Hubungkaitnya dengan Pengetahuan Tradisi

Pemahaman kita terhadap sumber biologi selalunya diperolehi daripada pengetahuan tradisi yang dimiliki oleh masyarakat pribumi dan tempatan (Indigenous and Local Communities, ILCs). Oleh itu, adalah penting supaya hak ILCs diambil kira semasa perundingan ABS.

Apa itu ABS?

Akses kepada sumber biologi bermaksud pengambilan sumber biologi daripada habitat semulajadinya atau tempat di mana sumber itu ditemui, disimpan atau ditanam untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan ke atas sebarang sumber genetik, terbitan, atau sebatian biokimia, yang terdiri daripada atau terkandung dalam sumber biologi tersebut.

Kenapa ABS penting?

Akses kepada sumber biologi boleh membawa faedah kepada kedua-dua pengguna dan pemberi sumber biologi.

Akses dan perkongsian faedah dapat memastikan cara sumber biologi tersebut diakses dan digunakan akan memaksimumkan faedah kepada pengguna, pemberi dan ekologi serta komuniti di mana sumber biologi tersebut dijumpai. Oleh itu, ABS adalah penting untuk Malaysia merealisasikan penjanaan kekayaan baru daripada biodiversiti kita.

Isu ABS adalah penting di bawah CBD, di mana salah satu daripada tiga objektif konvensyen ini adalah mengenai ABS yang selari dengan pemeliharaan biodiversiti dan penggunaan mampan komponennya. CBD mengiktiraf secara jelas bahawa sumber biologi adalah hak mutlak sesebuah negara.

Perkembangan Baru Dalam Mengawal Selia ABS

Protokol Nagoya mengenai ABS merupakan perjanjian antarabangsa yang baru diterima pakai di bawah Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD) di Nagoya, Jepun pada 29 Oktober 2010. Objektifnya ialah perkongsian faedah yang terhasil daripada penggunaan sumber genetik dikongsi secara adil dan saksama yang akan menyumbang kepada pemeliharaan dan penggunaan mampan biodiversiti dan seterusnya melaksanakan objektif ketiga CBD. Protokol Nagoya akan berkuatkuasa setelah 50 negara meratifikasinya.



Undang-Undang Kebangsaan mengenai ABS

Undang-Undang kebangsaan adalah penting untuk membolehkan pelaksanaan ABS yang berkesan dan akan memastikan:

- supaya satu rangka kerja yang telus wujud untuk memudahcara akses kepada sumber biologi, dan memastikan faedah dikongsi secara adil dan saksama
- supaya pengguna merunding terma yang dipersetujui bersama dengan pemberi sumber biologi sebelum mengakses sumber biologi.

Langkah-langkah ini mewujudkan keyakinan dari segi ketetapan undang-undang dan hubungan yang adil di antara pemberi dan pengguna. Pemberi akan yakin bahawa pengguna akan menghormati prosedur untuk akses dan mereka akan menerima hasil daripada faedah yang berpotensi diperolehi secara adil. Pengguna akan tahu mengenai pihak berkuasa mana yang perlu dihubungi dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mendapatkan akses.

Rangka kerja undang-undang mengenai ABS juga dapat menyekat aktiviti kecurian biologi.

Maklumat Tambahan

Sumber Genetik

Sebarang bahan daripada tumbuhan, haiwan, mikroorganisma atau sebarang bahan yang mempunyai unit-unit fungsi pewarisan dan yang mempunyai nilai atau nilai berpotensi untuk kegunaan manusia.

Terbitan

Termasuk sebatian kimia semulajadi yang diperolehi, dibangun atau disintesis, daripada sumber biologi. Ia juga boleh terhasil daripada ekspresi genetik atau metabolisma sumber biologi atau genetik berkenaan termasuk tisu atau ekstrak, sama ada ia mempunyai unit-unit fungsi pewarisan atau sebaliknya, dan maklumat berkaitan dengan sebatian kimia tersebut.

Pengetahuan Tradisi

Pengetahuan, inovasi dan amalan masyarakat pribumi dan setempat (ILCs) yang berkaitan dengan pemeliharaan dan penggunaan mampan sumber biologi.

Keizinan Berasaskan Makluman Awal

(Prior Informed Consent, PIC)

PIC ialah kebenaran yang diberi kepada pengguna oleh Pihak Berkuasa Kebangsaan atau Pihak Berkuasa berkaitan di negara pemberi sumber, sebelum mengakses sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi, selari dengan rangka kerja undang-undang dan institusi kebangsaan.

Terma yang Dipersetujui Bersama

(Mutually Agreed Terms, MAT)

MAT ialah perjanjian yang dicapai antara pemberi dan pengguna sumber biologi terhadap terma-terma mengenai akses dan penggunaan sumber tersebut, dan faedah yang akan dikongsi di antara kedua-dua pihak.

Kecurian Biologi (Biopiracy)

Penggunaan sumber biologi dan pengetahuan tradisi atau mana yang berkaitan tanpa keizinan berasaskan makluman awal daripada pemberi sumber.